

**ABU URWAH: LAGENDA TANPA SOROTAN** oleh Hamdi Ibrahim. Ilham Books. Kuala Lumpur. 2020. Halaman. 267. ISBN 978-967- 200-737-1.

Abu Urwah: Lagenda Tanpa Sorotan diterbitkan oleh Ilham Book Kuala Lumpur pada 2020 dan merupakan cetakan pertama. Penulis buku ini, Hamdi Ibrahim dilahirkan pada 1987 di Kubang Kerian Kelantan. Merupakan anak kedua daripada empat beradik dan membesar di Gua Musang Kelantan. Bersekolah di MRSM Pasir Tumbuh dan MRSM Pengkalan Chepa sebelum melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Universitas Trisakti, Jakarta Indonesia. Buku ini merupakan penulisan pertama beliau. Penulis menyatakan dalam prakata bahawa tujuan penulisan buku ini ialah bagi memberi kefahaman menyeluruh berkaitan perjuangan Abu Urwah. Penulis berpandangan ramai daripada pejuang-pejuang terdahulu telah disalahertikan perjuangan mereka oleh generasi terkemudian kerana tiadanya penulisan berkaitan mereka. Menurut penulis, Abu Urwah adalah seorang tokoh yang kontroversial dan terdedah kepada perjuangannya disalahertikan. Antara kekuatan buku ini ialah ia disertakan kata-kata aluan daripada Mantan Timbalan Presiden JIM al-Fadhil Ustaz Alias Othman; Mantan Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Prof Datuk Dr Mohammed Hatta Shaharom dan YB Hajjah Fuziah Salleh. Mereka ini merupakan kenalan rapat kepada Abu Urwah sendiri.

Abu Urwah merupakan seorang tokoh gerakan Islam di Malaysia yang terkenal dengan bukunya *Risalah Usrah*. Buku yang mempunyai sembilan jilid ini mula diterbitkan pada 1984 dan menjadi panduan usrah, tarbiah dan harakah Islamiah yang bergerak di Malaysia dan Indonesia. Abu Urwah atau nama sebenarnya Saari Sungib, dilahirkan di Dengkil pada 3 Ogos 1957. Mengikut keluarganya berpindah ke Kampung Baru, Kuala Lumpur pada usia lima bulan. Anak kelima daripada tujuh orang adik-beradik. Isterinya Aliza Jaafar lahir di Singapura pada 18 Disember 1958. Mempunyai tujuh orang anak dan nama Abu Urwah adalah *dikunyahkan* anaknya yang kedua iaitu Urwah.

Penulis menggambarkan Abu Urwah seorang yang sangat kuat ingatan kerana mampu mengingati semua gurunya termasuk pencapaiannya bagi setiap peperiksaan dari darjah satu. Merupakan bekas pelajar Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) Ipoh dan menyambung pengajian di UK dengan memperolehi *BSc (hons) Mechanical Engineering and Material Engineering* dari University of Anston Birmingham, United Kingdom. Seterusnya menyambung pengajian peringkat sarjana dengan memperolehi *Master in Business Administration (with Distinction)* dari University of Hull United Kingdom. Sekarang tinggal di Taman Sri Ukay Ampang dan merupakan ADUN N18 Hulu Kelang dengan memenangi tiga kali pilihan raya.

Isi kandungan buku ini merupakan hasil beberapa sesi temubual penulis dengan Abu Urwah; penulisan-penulisan Abu Urwah; penulisan Dr. Sophie Lemiere yang merupakan penyelidik dari Perancis; penulisan isteri beliau Puan Aliza; temubual dari ahli keluarga Abu Urwah sendiri serta temubual bersama wartawan TV Selangor iaitu Zubli Zainordin. Penulis menggunakan nama Saari dalam penulisan bukunya dan diselang-seli dengan nama Pak Abu pada ketika dimuatkan dialog temubualnya dengan Abu Urwah. Penulis membahagikan perjuangan Abu Urwah kepada tiga zaman berbeza iaitu pertama pada zaman beliau memimpin pergerakan islah yang non-partisan; kedua pada zaman di penjara tanpa bicara kerana dianggap sebagai mengancam kerajaan dan ketiga pada zaman terlibat sebagai ahli politik yang dipilih secara rasmi mewakili rakyat.

Abu Urwah walaupun terlibat secara langsung dalam politik, namun fokus utama penulisan Dr Hamdi ialah ketokohan, penglibatan dan perjuangan Abu Urwah dalam perkembangan dakwah di Malaysia. Politik adalah sebagai alat dan medan untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Buku ini tidak menyatakan biodata peribadi Abu Urwah dalam bab yang khusus, malah maklumat tersebut diselitkan bersama-sama cerita perjuangan beliau. Bagi mengetahui siapa ahli keluarganya dan latar belakang hidupnya, perlu membaca keseluruhan bab. Keadaan ini memperlihatkan tujuan penulisan buku ini bukanlah untuk memperkenalkan tokoh *perse*, malah lebih besar daripada itu bagi memperkenalkan liku-liku perjalanan hidup Abu Urwah sehingga membentuk corak pandang dan prinsip perjuangan beliau. Walau bagaimanapun pengulas mendapati buku ini sarat dengan maklumat sejarah berkaitan perjalanan dakwah dan politik di Malaysia. Ini memerlukan kepada pembacaan yang berulang bagi betul-betul memahami situasi pada ketika itu.

Pengulas mendapati penulis telah berjaya menghasilkan penulisan yang sangat halus dan terperinci walaupun agak sukar difahami kerana tidak mengikut aturan masa. Teknik penulisan mengikut tema dan dibahagikan kepada lima bahagian. Walau bagaimanapun terdapat juga tema-tema yang berulang dalam beberapa bab dan bahagian seperti kisah Abu Urwah terlibat dalam sukan hoki diceritakan dalam bab 2, diulang dalam bab 9,10,11,12,19 dan 20. Pengulangan ini dijadikan sebagai hujah sokongan bagi memperlihatkan peribadi Abu Urwah sangat rapat dengan sukan hoki. Begitu juga penglibatan Abu Urwah dalam gerakan dakwah serta pengaruh-pengaruh pemikiran dari tokoh-tokoh gerakan Islam diceritakan dalam banyak bab.

Buku ini menggunakan penulisan nota kaki bagi menjelaskan secara terperinci sesuatu perkara seperti kisah perkahwinan Abu Urwah. Begitu juga kata singkatan dicatatkan dalam nota kaki seperti '*FOSIS atau Federal Organisation of Student Societies in UK & Eire ditubuhkan pada 1962*'. Makna sesuatu perkataan juga dicatatkan dalam nota kaki seperti '*Progresif adalah tahap atau era yang mendorong semakin banyak dan terus bertambah penghasilan kerja atau sesuatu perubahan*'.

Penulisan buku ini juga bukanlah sepenuhnya mengisahkan kehidupan, fikrah dan perjuangan Abu Urwah, malah turut dihuraikan secara terperinci berkaitan perkara-perkara lain seperti beberapa gerakan dan persatuan pelajar Islam di UK seperti Suara Islam, IRC, FOSIS, UKIM, MISG dan lain-lain. Penulis cuba menggambarkan Abu Urwah terdedah dengan kepelbagaian jemaah Islam di UK namun mereka tetap harmoni.

Buku ini dibahagikan kepada lima bahagian dan dipecahkan kepada 43 bab dengan 267 halaman bercetak. Terdapat bab yang pendek-pendek hanya dua halaman. Pengulas mencadangkan beberapa bab yang pendek boleh digabungkan kerana terdapat topik yang sama seperti bab 11 dan bab 12 membincangkan berkenaan penglibatan sukan oleh Abu Urwah. Begitu juga bab 29 yang hanya dua halaman sahaja boleh digabungkan dengan topik yang sama dalam bab-bab lain.

Bahagian satu yang bertajuk Kebebasan, Keberanian dan Bibit-bibit Kepimpinan terdiri daripada bab 1 hingga bab 14. Dalam bahagian pertama ini, penulis membawa pembaca kepada kisah kehidupan dan nikmat kebebasan yang dikecapi oleh Abu Urwah sejak tinggal dalam kawasan Sekolah Kebangsaan Prince's Road, Kampung Baru Kuala Lumpur. Ayahnya seorang pengusaha kantin dan tinggal di kantin sekolah bersama keluarga. Seluruh kawasan sekolah adalah menjadi ruang permainannya. Nikmat kebebasan yang dialami oleh Abu Urwah ketika sekolah rendah membuka peluang kepadanya mencuba pelbagai pengalaman yang luas dengan sekatan yang minimum seterusnya membentuk dirinya menjadi seorang yang berani.

Keberaniannya juga didorong oleh keadaan sekolah yang merupakan bekas kem tentera Jepun yang tidak sunyi dengan kisah-kisah seram. Keadaan ini bukan melemahkan Abu Urwah, malah menjadikan dirinya lebih berani kerana sudah biasa terdedah dengan kisah-kisah begitu.

Abu Urwah terlibat dengan sukan hoki sejak dari sekolah rendah dan terus cemerlang hingga ke sekolah menengah. Minatnya dalam sukan hoki dipengaruhi oleh keizinan Cikgu Sulong yang membenarkan Abu Urwah menggunakan peralatan sukan dalam stor sekolah di mana sahaja dan pada bila-bila masa. Peluang ini digunakan oleh Abu Urwah untuk membuat banyak latihan sukan yang diminatinya. Hampir setiap hari Abu Urwah akan berlatih hoki selama satu jam. Apabila menyambung persekolahan di sekolah menengah, sukan hoki di STAR Ipoh mula berubah daripada sukan bermusim menjadi sukan sepanjang tahun atas usaha Abu Urwah. Abu Urwah menceritakan pengalamannya mendapat suntikan semangat daripada Franca D’Cruz iaitu pemain hoki kebangsaan yang mengharumkan nama negara dalam Piala Dunia Hoki 1975. Abu Urwah mengakui, pengalamannya dalam bidang hoki banyak persamaan dalam bidang-bidang lain seperti perniagaan dan politik. Perniagaan, sukan dan juga dalam politik akan berlaku sikap yang tidak profesional. Abu Urwah sejak kecil berusaha untuk memberi yang terbaik kepada pasukannya, tetapi pernah dianggap sebagai pengkhianat. Apa yang berlaku pada Abu Urwah adalah lumrah dalam perjuangan. Semangat juang yang tinggi serta berlumba-lumba dalam kebaikan tetap tidak mampu menghalang tanggapan buruk daripada pihak lain.

Penulisan bahagian pertama buku ini sebenarnya dimulai dengan memberi gambaran tentang malam pengumuman pilihan raya umum ke 12 (PRU12) pada 8 Mac 2008. Kemenangan Abu Urwah dalam PRU12 Dun Hulu Kelang dengan majoriti 2131 menewaskan Ahmad Bujang dari BN merupakan kemenangan pertama setelah kalah dua kali pertandingan sebelumnya iaitu PRU10 Parlimen Kuala Langat dan PRU11 Parlimen Paya Besar. Penulis turut menceritakan Abu Urwah mendapat sokongan padu daripada isteri dan anak sulungnya Anfal Saari berusia 28 tahun ketika itu. Anfal dengan keadaan sarat mengandung meninggalkan tiga orang anak-anaknya yang masih kecil turut hadir pada malam bersejarah tersebut. Abu Urwah turut mendapat sokongan kuat daripada bapanya bermula dari fasa perubahan Abu Urwah menjadi ‘ustaz’, melangsungkan perkahwinan dengan cara yang sederhana, berhenti kerja demi perjuangan, ditahan tanpa bicara sehinggalah menyokong penglibatannya dalam politik. Bapanya berusia 87 tahun hadir memberi sokongan berkempen ketika Abu Urwah memberi ucapan dasar kepada kader dalam perhimpunan JIM.

Penulis juga menceritakan kisah 2 September 1998 yang melibatkan Timbalan Perdana Menteri (TPM) ketika itu yang telah dilucutkan jawatan, diaibkan dan ditangkap. Peristiwa ini memberi kesan besar dalam hidup Abu Urwah kerana hubungan mereka adalah sangat rapat. Abu Urwah mengenali Anwar Ibrahim pada Disember 1976 melalui Siddiq Fadil ketika menjadi teraju utama gerakan Islam era 70-an. Gelombang reformasi 1998 telah menarik Abu Urwah bersama-sama Ustaz Fadzil Noor dan Wan Azizah mengadakan ceramah jalanan bagi menarik sokongan membantah tahanan ISA. Ketika ini berlaku penyatuan PAS, ABIM, JIM, Persatuan Ulama Malaysia (PUM), PKPIM, Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan DAP. Pada 5 Oktober 1998 Abu Urwah ditahan di bawah ISA buat kali pertama ketika isterinya Aliza Jaafar sedang kritikal di hospital. Manakala penahanan kali kedua pada 10 April 2001, seterusnya membawa dia ke Kem Kamunting selama 2 tahun (2001-2003). Ketika berada dalam penjara, Abu Urwah berjaya menghasilkan lapan buah buku iaitu lapan siri buku Suara dari Kamunting serta menyunting enam buah buku Siri Mansuhkan ISA.

Penulis turut mengetengahkan definisi kebebasan oleh Ibnu Ashur (meninggal 1907) yang memasukkan kebebasan sebagai salah satu daripada lima *maqasid* universal perundangan Islam. Kebebasan yang dimaksudkan adalah berbeza dengan kebebasan dari amalan hamba

abdi yang banyak dibahaskan oleh para fuqaha'. Selain itu penulis juga mengemukakan erti kebebasan menurut Muhammad al-Ghazali (meninggal 1996) yang memasukkan kebebasan dan keadilan dalam peringkat *dharuriyyah* (keperluan). Landasan kefahaman ini menetapkan kezaliman dan belenggu serta sekatan merupakan satu bentuk ketidakadilan. Perjuangan kebebasan Yusuf al-Qaradawi di Medan Tahrir dan Rachid Al-Ghannouchi dalam Revolusi Jasmin di Tunisia menjadikan mereka *role model* dalam hidup Abu Urwah. Abu Urwah mengakui bahawa dia bertemu fikrah Islam berkaitan dakwah, tarbiah dan jamaah ketika di UK.

Bahagian dua bertajuk Bersama Membangun Idealisma Perjuangan bermula daripada bab 15 hingga 21. Dalam bahagian ini penulis memperkenalkan tokoh-tokoh gerakan dakwah yang memberi pengaruh kepada corak pemikiran Abu Urwah seperti Sayyid Abu A'la al-Maududi, Maryam Jameelah, Syeikh Hasan al-Banna, Nurcholish Majid, Dr Azzam at-Tamimi, Rachid Ghannouchi, Mohammad Natsir, Sayyid Qutb, Muhammad Qutb, Said Ramadhan dan ramai lagi. Selain daripada tokoh-tokoh Islam daripada dunia luar, penulis juga menyenaraikan beberapa tokoh tempatan yang sama-sama bergerak dalam medan dakwah di Malaysia seperti Anwar Ibrahim, Fadil Noor, Abdul Ghani Abdul Rahman, Siddiq Fadzil, Osman Bakar, Nasaruddin Abdul Jalil, Asri Muda, Zaid Kamaruddin dan lain-lain. Abu Urwah mula terlibat dengan usrah mingguan dan mengkaji pemikiran mujaddid. Turut berkongsi pemikirannya bersama keluarga di Malaysia melalui surat-surat dan rakaman kaset. Abu Urwah memegang prinsip perjuangan tidak boleh dipisahkan daripada keluarga.

Abu Urwah mula terlibat dengan aktivisme dakwah ketika menyambung pengajian di UK pada 1976. Buku pertama yang membuka keluasan cakerawala Islam kepada Abu Urwah ialah *Islamic Way of life* karangan Sayyid Abu A'la al-Maududi yang merupakan pengasas Jamaat e-Islami, sebuah pertubuhan di Pakistan. Abu Urwah mula mengenali Islam sebagai satu cara hidup dan bukan hanya amalan ritual. Pandangan Abu Urwah terhadap *secularism*, *materialism* dan *westernism* pula banyak dipengaruhi oleh penulisan Maryam Jameelah. Maryam Jameelah merupakan rakyat New York yang memeluk Islam pada 1959 kemudian berhijrah ke Pakistan bagi mengikuti perjuangan bersama Jamaat e-Islami di sana. Buku pertama karya Maryam Jameelah yang memperkenalkan Hasan Al-Banna kepada Abu Urwah ialah *Sheikh Hassan Al-Banna & Al-Ikhwān Al-Muslimin*.

Penulis membuat persamaan Abu Urwah dengan Fadli Zon iaitu Timbalan Ketua Umum Partai Gerindra dari sudut keluasan pengalaman mengikut beberapa kumpulan Islam semasa di UK termasuk jamaah tabligh. Abu Urwah terdedah dengan *taaddud* jamaah yang berfungsi sebagai peluang saling menguatkan antara satu sama lain.

Dalam bab 19, penulis menceritakan keakraban hubungan Abu Urwah dengan Dr Azzam at-Tamimi yang dianggap sebagai guru berkaitan ilmu tafsir dan fikrah. Manakala dalam bab 20, penulis menceritakan hubungan dan perkenalan Abu Urwah dengan Anwar Ibrahim. Rentetan sejarah perjuangan Anwar Ibrahim turut diceritakan dalam bab ini. Seterusnya bab 21 menceritakan hubungan Abu Urwah dengan Dr Hasan at-Turabi yang merupakan Ketua Ikhwān di Sudan. Falsafah Dr Hasan menggunakan prinsip bahawa negara atau kerajaan bukanlah segala-galanya dalam projek perubahan. Memenangi pemerintahan bukanlah menjamin kejayaan yang mutlak. Apa sahaja keputusan perlu melihat kepada kebajikan dan kemaslahatan rakyat. Secara keseluruhan dalam bahagian kedua penulis menceritakan hubungan Abu Urwah dengan tokoh-tokoh gerakan Islam luar dan dalam negara yang mempengaruhi corak pemikiran serta fikrah beliau.

Bahagian tiga bertajuk Mengemudi Gerakan Islah Tanahair bermula bab 22 hingga 31. Bahagian ini menjelaskan secara terperinci penglibatan Abu Urwah dalam NGO dan seterusnya terlibat dengan politik. Bahan-bahan penulisan dalam bahagian ini didapati daripada penulisan Sophie Lemiere, temubual dengan Abu Urwah sendiri, catatan Abu Urwah dan catatan Aliza yang merupakan isteri Abu Urwah. Penulis memuatkan latar belakang pendidikan Abu Urwah, memperkenalkan isteri, anak-anak dan menantu termasuk pengalaman dan kisah penahanan di Kamunting.

Bab 22 dimulai dengan hasil temubual yang dilakukan oleh Sophie Lemiere terhadap Abu Urwah yang dimuatkan dalam *Majalah al-Jamiah volume 47 No 1 2009 bertajuk Genesis and Development of a non-partisan Political Actor – The formation of the Jamaah Islah Malaysia (JIM) and its Roots in Western Europe*. Sophie Limiera ialah warga Perancis memperoleh PhD dengan mengkaji budaya politik samseng yang wujud dalam masyarakat di Malaysia. Penulisan tersebut menceritakan pengalaman jerit perih Abu Urwah memperjuangkan demokrasi keterbukaan, kebebasan dan pemberdayaan ahli bagi menyumbang kepada gerakan Islam di Malaysia.

Dalam bab 23, penulis banyak menggunakan istilah-istilah konsep seperti *autopoiesis*, *homeostatis*, *recurcive*, *requisite varieties*, *ummah centric*, *jamaah centic* dan lain bagi menggambarkan langkah-langkah perjuangan dan fikrah yang dipegang oleh Abu Urwah. Penulis menggambarkan Abu Urwah seorang bersifat *waqie* dan *up to date* dengan isu-isu sejagat. Perjuangan meneruskan tugas dakwah dan islah Abu Urwah diteruskan dengan kepimpinannya dalam JIM 1991-1999. Seterusnya diceritakan tentang penglibatan Abu Urwah dalam beberapa NGO dan pergerakan serta penglibatan dalam politik. Dilantik sebagai ahli jawatankuasa PAS dan menjadi wakil rakyat bagi tiga penggal.

Bahagian empat bertajuk Renungan yang Tercicir Sepanjang Jalan bermula bab 32 hingga 36. Bahagian ini secara keseluruhannya penulis menfokuskan perbincangan berkaitan politik. Penulis memperkenalkan dua jenis politik iaitu politik partisan dan politik non-partisan atau politik warga. Penulis mengkatogerikan Abu Urwah adalah dalam kelompok yang sama seperti Maszlee Malek, Wan Saiful Wan Jan, Maria Chin Abdullah, Anwar Ibrahim dan beberapa nama lagi dalam kategori politik warga tetapi aktif dalam parti politik.

Bagi aktivis dakwah penglibatan dalam politik bukan sahaja berjuang untuk memenangi kuasa melalui pilihan raya tetapi berusaha mengintegrasikan tarbiyah dan dakwah dalam konteks amal *siyasi*. Penulis memasukkan pengalaman pilihan raya di Indonesia iaitu perjuangan dan pengalaman PKS serta ucapan Anis Matta selaku Setiausaha Agong PKS. Manakala di Malaysia, penulis menceritakan penggabungan JIM dan ABIM yang meninggalkan sentimen kelompok untuk bersama dalam Parti Amanah Negara.

Bab 34 merupakan penulisan yang sangat menarik oleh penulis dalam menceritakan situasi sebenar pergerakan politik di Negeri Selangor selepas PRU 13. Ketegangan yang berlaku dalam Pakatan Rakyat yang terdiri daripada PKR, DAP dan PAS. Sehingga akhirnya Abu Urwah telah digantung keahlian PAS selama setahun oleh Jawatankuasa PAS Pusat kerana menyatakan taat setia kepada Pakatan Rakyat. Kesannya Negeri Selangor kekal di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat.

Penulisan dalam bab 35 hingga 36 agak sukar difahami oleh pengulas, antara faktornya ialah penulisan tidak mengikut urutan masa. Penulisan berkisar penubuhan Barisan Alternatif (BA) dan Parti Keadilan Nasional (nama lama bagi Parti Keadilan Rakyat). Abu Urwah dijemput untuk menyertai Parti Keadilan namun memilih untuk bersama dengan PAS bagi meneruskan perjuangan untuk membina Malaysia yang lebih baik dan sejahtera. Penulis turut menyatakan

secara terperinci keakraban Abu Urwah dengan Ustaz Fadzil Noor yang dianggap sebagai mentor dalam politik di Malaysia.

Manakala bahagian kelima iaitu bahagian terakhir bertajuk Persinggahan Terakhir Muslim Demokrat mengandungi bab 37 hingga bab 43. Permulaan penulisan dalam bahagian ini, penulis menjelaskan ketika dalam tahanan Kem Kamunting Abu Urwah memilih untuk membaca buku tulisan Dr Azzam Tamimi berjudul *Rachid Ghannauchi: A Democrat within Islamism* di samping al-Quran. Melalui buku tersebut Abu Urwah mengenali Rachid Ghannauchi sebagai pejuang demokrasi atas dasar demokrasi adalah dari rakyat untuk rakyat dan demi rakyat serta mengupas persoalan demokrat secara tuntas. Fikrah ini dipraktikkan ketika Abu Urwah menjadi ADUN. Penulis berkongsi temubual dengan wartawan TV Selangor iaitu Zubli Zainordin yang menyatakan dapatan dari *blogger* dan pemerhati politik mendapati Abu Urwah seorang yang kritis dan tiada kompromi dalam mempersoalkan sesuatu isu berkaitan rakyat. Penulis juga menemubual orang awam di Hulu Kelang yang terdiri daripada setiausaha masjid, AJK masjid, peniaga, AJK Gurdwara dan ketua masyarakat. Mereka mempunyai satu rasa yang sama iaitu inginkan Abu Urwah meneruskan khidmat sebagai wakil rakyat.

Dalam bab 39, pengulas mendapati penulis sangat terperinci menganalisis sejarah dan suasana politik melalui pemikiran *slippery slope* iaitu prasangka-prasangka negatif yang wujud dalam parti. Keadaan ini sebenarnya punca kepada lahirnya istilah-istilah seperti jebon dan parasit Seterusnya dalam bab 40 penulis menyampaikan amanatnya kepada pemuda-pemuda dengan kisah-kisah pemimpin senior ketika mereka masih muda seperti Dr Mahathir, Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang, Ustaz Fadzil dan Abu Urwah sendiri yang telah berjuang sejak usia muda. Maka bagi pemimpin muda perlu menunjukkan ketokohan dan kepimpinan bermula di usia muda sebelum betul-betul layak menggantikan pemimpin senior. Penulis menyelitkan kisah keterlibatannya dengan PKS dan mula mengenali dengan Abu Urwah dalam bab 41. Manakala dalam bab 42 penulis menghuraikan latar belakang dan kehebatan Abu Urwah sebagai senior dalam politik. Dengan kelayakan akademik dan pengalaman kerja di dalam dan luar negara Abu Urwah dilihat sebagai satu tokoh yang hebat. Namun Abu Urwah memilih untuk menjadi ahli politik praktis yang berkhidmat untuk rakyat, menyokong projek kebaikan rakan-rakan pakatan dan memilih jalan mendidik masyarakat serta pemuda. Bab 43 penulis menceritakan tentang pertemuan pertamanya dengan Abu Urwah pada Mei 2019 bersama Aliza dan Urwah. Penulis menyatakan hasratnya untuk menulis kisah perjuangan Abu Urwah sebagai bukti sejarah bagi generasi akan datang. Dalam masa yang sama bagi menjernihkan persepsi dan mengelakkan salah tanggapan walaupun pada hakikatnya Abu Urwah sendiri kurang selesa dengan tajuk buku ini. Bagi Abu Urwah, beliau tidak membina kemenangan dan kekuatan di atas personaliti individu atau jenama mana-mana kumpulan, maka tidak ada sorotan yang perlu dicatatkan.

Secara keseluruhan, pengulas mendapati buku ini sangat padat dengan ibrah sebuah perjuangan dakwah. Mengenali ketokohan Abu Urwah yang dibentuk oleh persekitarannya ketika kecil dan pendedahannya kepada fikrah-fikrah luar bermula di UK serta dikembangkan setelah pulang ke tanah air sendiri. Pengulas mendapati Abu Urwah sangat banyak dipengaruhi dengan apa yang beliau baca dan dengan siapa beliau bergaul. Pengulas dapat mengenali ramai nama-nama besar dalam perjuangan dakwah melalui buku ini. Selain itu buku ini juga sarat dengan kisah-kisah sejarah politik tanah air. Penceritaan yang sangat menarik oleh penulis mengisahkan titik awal penglibatan Abu Urwah dalam kancah politik. Tanpa menyentuh isu-isu sensitif, pengulas mendapati penulis sangat berhati-hati dalam penulisannya. Semoga Allah membalas segala usaha penulis dan terus bersemangat menghasilkan buku-buku yang seterusnya.

**Hasliza Talib**

Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam

Pusat Pengajian Teras

Koleh Universiti Islam Antarabangsa Selangor